

## **BAB PERTAMA**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Perkembangan teknologi maklumat bermula dengan perkembangan komputer. Komputer mula digunakan di Malaysia dalam tahun 1960-an dalam bentuk rangka utama (main frame). Komputer ini sangat besar, mahal dan menggunakan kuasa elektrik yang tinggi dan sukar pula untuk digunakan. Ia hanya digunakan untuk memproses data bagi kegunaan pentadbiran dan pengurusan pendidikan. Kemudian penggunaan komputer di dalam masyarakat telah berkembang dengan pesatnya dan telah digunakan dengan meluas dalam pelbagai bidang termasuklah sains, perniagaan, pengangkutan, industri, pentadbiran, undang-undang, pendidikan dan sebagainya.

Mengikut Sanders (1) perubahan teknologi dunia yang begitu pesat menjadikan komputer sebagai alat yang begitu bermakna dalam kehidupan manusia. Pada awalnya komputer telah digunakan secara meluas oleh organisasi-organisasi yang besar bagi tujuan penyelidikan dan pentadbiran.

Pada awal tahun 1980-an, komputer mikro telah diperkenalkan di sekolah-sekolah. Kegunaannya ialah untuk membuat inventori dan mengumpulkan data-data murid. Saiz komputer jenis ini adalah kecil dan kosnya tidak begitu mahal seperti komputer rangka utama serta mampu dibeli oleh sekolah atau orang perseorangan. Manakala Moursund (2) menyatakan bahawa komputer kemudiannya telah mula digunakan dalam pendidikan seperti dalam program-program pengajaran yang berbantuan komputer.

Menyedari peranan besar yang dapat dimainkan oleh komputer di dalam pembangunan negara, terutamanya untuk mempertingkatkan produktiviti, proses pengenalananya ke dalam kurikulum sekolah sedang diusahakan. Perkembangan ini telah menyebabkan pendedahan awal kepada teknologi komputer dianggap sesuatu yang perlu.

Oleh itu saranan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya ditubuh kelab komputer di sekolah-sekolah seluruh negara pada tahun 1983 telah membuka minda pihak-pihak tertentu ke arah merealisasikan program pengajian komputer dalam pendidikan. Selaras dengan itu, mengikut laporan Kementerian Pendidikan 1990 terdapat 800 kelab komputer sekolah di seluruh Malaysia.

Objektif penubuhan kelab komputer ini ialah untuk memberi kesempatan kepada pelajar-pelajar mempelajari komputer dan literasi komputer. Mengikut pembentangan yang dibuat oleh Yusup Hashim (3) menunjukkan bahawa ahli-ahli kelab komputer sekolah mempunyai peringkat literasi yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa program menubuhkan kelab komputer untuk mengajar faham komputer telah berjaya.

Di samping itu mengikut kenyataan yang dibuat oleh Zaidun (4) dalam disertasinya bahawa Kementerian Pendidikan telah melancarkan satu projek percubaan di 20 buah sekolah di mana pelajaran kenal faham komputer telah diajar secara formal kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4 selama 1 jam seminggu. Pada masa ini, mata pelajaran komputer dalam pendidikan telah dimasukkan ke dalam KBSM iaitu sebanyak 60 buah sekolah telah dipilih dalam projek percubaan.

Sehubungan dengan itu, sebuah jawatankuasa Projek Komputer Sekolah-Sekolah Kelantan ditubuh di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dengan tujuan menyediakan sebahagian peruntukan dan perkakasan untuk aktiviti pendidikan komputer di sekolah. Untuk melaksanakan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti tersebut di peringkat Negeri, Daerah dan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan telah menubuhkan Jawatankuasa Perlaksanaan di Peringkat Negeri dan Daerah serta Kelab-kelab Komputer Sekolah di Peringkat Sekolah.

Lanjutan dari inisiatif tersebut, maka bermulalah Projek Perlaksanaan Mata Pelajaran Pengenalan Kepada Komputer di Negeri Kelantan. Projek ini adalah merupakan projek Anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah dimulakan sejak tahun 1986. Sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Pak Badol, Bachok yang dibekalkan dengan 5 buah komputer Jenis Apple IIe oleh Kementerian Pendidikan. Pelajar-pelajar Tingkatan 4 dilibatkan dalam projek ini, manakala pelajar-pelajar lain terlibat dalam aktiviti pendidikan komputer melalui kelab komputer sekolah.

Hasil daripada perlaksanaan Projek Komputer Sekolah-Sekolah Kelantan dan juga pengaruh perkembangan teknologi komputer dalam masyarakat, telah menimbulkan minat di kalangan pelajar-pelajar dan guru-guru untuk menubuhkan kelab komputer sekolah dan menyediakan kelengkapan perkakasan atas inisiatif sekolah sendiri. Biasanya inisiatif pihak sekolah untuk mengadakan perkakasan komputer adalah dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) atau derma orang-orang persendirian.

Kesimpulannya, dengan tindakbalas positif yang diberikan oleh masyarakat terhadap perkembangan teknologi maklumat dalam pendidikan, ia telah membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membentuk idea-idea baru ke arah merealisasikan projek komputer dalam pendidikan.

Tetapi sejauhmanakah penggunaan komputer itu sendiri oleh pelajar-pelajar khususnya di Negeri Kelantan?. Adakah pelajar-pelajar mampu mengikuti program pengajian komputer dengan jayanya dan menjadikan komputer sebagai alat bantu dalam menyelesaikan masalah pembelajaran mereka.

### **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Dalam menyelusuri arus pembangunan dan pemodenan dewasa ini, para pelajar perlu menyiapkan diri mereka selengkap mungkin dengan penguasaan kaedah penggunaan alat teknologi maklumat moden, khususnya komputer.

Komputer yang asalnya dicipta untuk organisasi penyelidikan dan perniagaan untuk menangani masalah pengendalian data yang besar telah berkembang secara beransur-ansur ke institusi kerajaan, syarikat kerajaan, syarikat individu setelah ia terbukti mampu mengendalikan tugas-tugas rutin dan rumit seperti mengurus dan mencapai data. Perkembangan teknologi yang pesat, seterusnya telah menjadikan teknologi komputer semakin canggih, berkuasa dan kemampuannya boleh dimanfaatkan ke dalam proses pembelajaran. Malah perlaksanaan teknologi komputer juga telah disokong oleh kerajaan dan telah dilaksanakan seperti yang termaktub di dalam rancangan Malaysia keenam dan ketujuh serta telah diperuntukkan di dalam Belanjawan 1998 yang dibentangkan baru-baru ini oleh YAB Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan Malaysia.

Kini penggunaan komputer dalam pendidikan telah menular ke dalam sistem pendidikan negara jika dibandingkan sebelum ini penggunaan komputer di dalam pendidikan hanya dipraktikkan secara meluasnya di negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, Perancis dan Britain. Keperluan memperkenalkan penggunaan komputer dalam sistem pendidikan negara telah mula dirasai, selaras dengan perkembangan pesat ekonomi dan perindustrian negara. Mengikut kajian yang dibuat oleh Abdul Hamid (5) pengenalan secara beransur-ansur, bermula dengan penubuhan kelab komputer pertama di Sekolah Menengah La Salle, Petaling Jaya. Populariti kelab komputer semakin bertambah hingga tahun 1990 terdapat tidak kurang 800 buah kelab komputer seluruh negara dan tidak kurang juga kelab yang terpaksa ditutup kerana pelbagai masalah pentadbiran.

Mengikut Callison (6) banyak kajian menyatakan bahawa pada awal tahun 70an komputer-komputer hanya digunakan dalam urusan perniagaan dan penyelidikan sains sahaja tetapi sealiran dengan perubahan teknologi semasa penggunaan komputer telah mula digunakan untuk tujuan pendidikan dan pembelajaran di institusi-institusi pendidikan.

Manakala Sulaiman (7) berpendapat penubuhan kelab komputer ini sedikit sebanyak telah memberi kesedaran baru kepada masyarakat terhadap kepentingannya dalam perkembangan pendidikan generasi baru dan pada tahun 1981 Kementerian Pendidikan telah menggalakkan sekolah-sekolah menukuhan kelab komputer secara

sukarela. Buku “*Panduan penubuhan dan pengurusan kelab komputer sekolah*” telah diedarkan ke sekolah-sekolah dalam tahun 1983 untuk membantu sekolah-sekolah menubuh dan menjalankan aktiviti-aktiviti kelab komputer sekolah. Penubuhannya sedikit-sebanyak telah berjaya membuka minda masyarakat hari ini terhadap kepentingan komputer ke arah melahirkan generasi bermaklumat.

Walau bagaimanapun masyarakat perlu peka dengan perubahan dan pembaharuan dalam bidang teknologi dan sama-sama bersedia untuk menghadapi perubahan teknologi moden terutama dalam bidang pendidikan anak-anak generasi akan datang.

Saranan tersebut telah memberi kesedaran kepada Kementerian Pendidikan ke arah menggalakkan penggunaan komputer di dalam pendidikan. Inisiatif ini berjaya menarik minat pelbagai pihak khususnya ke arah penggunaan komputer dalam pendidikan seperti Pusat Teknologi Pendidikan dan Media (PTPM), Universiti Sains Malaysia menyediakan kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru, penubuhan Majlis Penggunaan Komputer dalam Pendidikan Malaysia (MCCE), penerbitan buku-buku komputer tempatan, serta penerbitan khusus akhbar mengenai komputer dalam pendidikan, begitu juga perlaksanaan kurikulum literasi komputer di Maktab Rendah Sains Mara dan maktab-maktab perguruan.

Mengikut kajian Zaidun (8) pada tahun 1985 Perdana Menteri telah mengarahkan Penasihat Sains di Jabatan Perdana Menteri membuat tinjauan tentang keperluan

penggunaan komputer dalam bidang pendidikan. Hasil dari inisiatif ini Kementerian Pendidikan dengan bantuan Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) yang mempunyai kepakaran dalam bidang mikroelektronik telah mengenalpasti dan menyediakan keperluan komputer yang sesuai dengan perlaksanaan berkomputer dalam bidang pendidikan.

Menyedari kepentingan komputer di dalam pendidikan, maka pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberikan galakan dan sokongan menyeluruh kepada sekolah-sekolah menengah seluruh negara agar menyediakan pusat komputer sebagai satu kemudahan kepada para pelajar bagi mempelajari dan memahirkan diri mereka dalam bidang penggunaan komputer. Dengan itu terlaksananya projek rintis Komputer dalam Pendidikan di 60 buah sekolah menengah di luar bandar seluruh negara. (9)

#### ***1.1.1 Program Literasi Komputer***

Secara amnya tidak ada definisi yang khusus untuk ‘literasi komputer’. Definisinya adalah bergantung kepada individu dan juga penggunaannya. Ia diertikan sebagai mempunyai kaitan dengan bahasa tetapi bukan setakat mengetahui bahawa bahasa dihasilkan dari perkataan, dapat mengenal sesuatu huruf, atau sedar akan peranan bahasa di dalam sebuah masyarakat. Literasi juga membawa pengertian kebolehan

untuk mengira dan bukan hanya mengenal, mengecam atau menyedari beberapa makumat berkenaan dengan pengiraan. (10)

Manakala mengikut Ahmad Mahir (11) di dalam artikelnya yang dipetik dari sumber yang ditulis oleh Hofmeister menyatakan bahawa konsep literasi komputer masih berkembang. Oleh itu agak susah untuk mendapat suatu kata sepakat tentang ciri-cirinya.

Terdapat takrif lain yang diberi mengenai literasi komputer seperti yang dinyatakan oleh Johnson (12) bahawa orang yang celik komputer (Computer literate) bermakna orang itu berkefahaman dan berkebolehan membincangkan konsep-konsep penghitungan, pengiraan dan isu-isu daripadanya. Secara intelek termasuk mengenalpasti kegunaan baru bagi komputer di rumah dan lain-lain bidang pekerjaan.

Banyak hujah yang menyokong supaya literasi komputer dijadikan sebagai kurikulum sekolah dan sebagai alat bantu dalam menyelesaikan masalah pembelajaran. Oleh itu pada tahun 1985 program literasi komputer telah diperkenalkan. Program ini adalah merupakan Projek Komputer dalam Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. (13)

Untuk melaksanakan projek tersebut maka satu Jawatankuasa Bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia/

(KPM-MIMOS) telah dibentuk pada bulan Disember 1986 dengan tujuan untuk mengenalpasti keperluan, masalah, perkakasan dan kaedah-kaedah ke arah menjayakan projek komputer dalam pendidikan di sekolah-sekolah. (14)

MIMOS telah diberi mandat oleh Menteri Pendidikan untuk mengkaji dan mereka cipta perkakasan komputer yang bersesuaian dengan teknologi dan keperluan sekolah. Hasilnya komputer yang menggunakan mikropemproses V20, 10 Mhz atau lebih dikenali dengan Atom 1 diperkenalkan. Pada bulan Ogos, 1991, Sistem Pembelajaran Sepadu Berkomputer (Sistem ComIL) mula diketahui umum dan memasuki era pengujian sebagai persediaan untuk diagihkan kepada pengguna-pengguna khususnya guru-guru pada awal tahun 1992. Projek Sistem Pembelajaran Sepadu Berkomputer (ComIL) juga dijadikan perisian standard bagi perlaksanaan kursus pembelajaran berbantuan komputer. (15)

Lanjutan dari itu juga pada bulan Julai 1992 program literasi komputer diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan kepada para pelajar tingkatan satu dan dua di 60 buah sekolah menengah luar bandar. Setiap buah sekolah terpilih dibekalkan dengan 20 buah komputer untuk tujuan literasi komputer. (16)

Kesimpulannya dengan terlaksananya projek Literasi komputer dan Sistem ComIL ini akan memastikan suasana pembelajaran berbantuan komputer atau PBK, di

semua peringkat persekolahan dicapai dengan jayanya di samping menggalakkan para pelajar ke arah penggunaan komputer sama ada di rumah atau sekolah.

### ***1.1.2 Sukatan Literasi Komputer***

Literasi komputer adalah merupakan satu program untuk membantu pelajar ke arah mengenali komputer supaya dapat diadaptasi ke dalam pembelajaran harian di samping boleh menaikkan prestasi mutu akademik mereka. Mengikut tinjauan yang dibuat oleh Abdul Hamid (17) dalam disertasinya mengenalpasti bahawa program literasi komputer memberi tumpuan kepada penguasaan kemahiran menggunakan komputer dan pemupukan sikap positif dan nilai-nilai murni serta cuba membantu pelajar memajukan diri dalam apa jua bidang. Secara umumnya literasi komputer cuba memberi peluang kepada semua pelajar untuk mengendali dan menggunakan komputer.

Untuk memastikan program literasi komputer ini dilaksanakan dengan lancar maka Unit Komputer dalam Pendidikan, Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, telah menyediakan garis panduan bagi sukanan pelajaran yang perlu diajar di sekolah-sekolah yang terlibat.

Isi kandungannya hendaklah mengandungi kursus pengenalan kepada komputer di mana pelajar-pelajar didedahkan mengenai maksud komputer yang sebenar, sejarah

perkembangannya dan ciri-ciri sebuah komputer iaitu dari segi alir maklumatnya seperti INPUT-PROSES-OUTPUT. Begitu juga pelajar-pelajar diberi pendedahan ringkas mengenai rekabentuk dan bahasa pengaturcaraan ‘BASIC’. Ini amat penting di peringkat literasi komputer, pemahaman mengenai kemampuan komputer berkerja menjadi lebih baik kerana pelajar berupaya mengarahkan komputer bekerja. Begitu juga terdapat beberapa aturcara permainan yang menarik atau lebih dikenali dengan computer game. Permainan yang disediakan adalah berbentuk menguji kecerdasan minda pelajar. (18)

Manakala pada bulan Jun 1992, pemasangan semua perkakasan komputer dan perisian, serta bekalan elektrik makmal komputer telah disiapkan. Serentak dengan itu beberapa surat pekeliling juga telah diedarkan oleh Kementerian Pendidikan seperti Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/1992 yang menyarankan supaya perlaksanaan literasi komputer diadakan di setiap sekolah. (19)

Secara tak lansung, pada peringkat ini perlaksanaan program literasi komputer adalah terletak di tangan guru-guru untuk membentuk bagaimana corak program tersebut. Guru Komputer Dalam Pendidikan (KDP) yang mengikuti kursus hendaklah bermotivasi dalam membentuk dan menyusun program tersebut di samping mendapat kerjasama dari pihak pentadbir sekolah. Guru-guru yang telah menjalani kursus literasi komputer juga digalakkan mempraktikkan idea-idea yang didapati secara amali. In-

house training hendaklah dijayakan bagi melatih guru-guru lain mengajar literasi komputer.

Terdapat kajian oleh Salmah (20) mendapati bahawa guru-guru menghadapi masalah keyakinan diri yang rendah untuk menghadapi perkakasan komputer yang dibekalkan. Guru-guru mempunyai pengetahuan yang rendah mengenai komputer dan masih di tahap pengajian. Masalah ini timbul dalam menghadapi pelajar-pelajar dalam kelas pengajian komputer. Di samping itu mereka menghadapi tekanan untuk mencapai objektif yang tertera di dalam sukanan pelajaran dan berhadapan dengan masalah mengajar perisian yang berarahan dan beristilah dalam Bahasa Inggeris yang terpaksa diterjemahkan ke Bahasa Malaysia.

Mengikut hasilan yang dibuat oleh Abdul Hamid (21) apa yang berlaku di sekolah kajian beliau dan mungkin di sekolah-sekolah projek komputer dalam pendidikan adalah unik dari segi tercampur-aduknya Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dengan arahan, istilah dan konsep komputer yang berasaskan Bahasa Inggeris.

Ini menimbulkan persoalan apakah benar arahan, istilah dan konsep komputer dalam bahasa Inggeris menjadikan pelajar luar bandar agak lambat dalam proses penerimaan pengajian komputer dan adakah mereka perlu menguasai Bahasa Inggeris dalam menerokai era teknologi tersebut? Apa yang pasti isu ini tidak akan selesai

selagi istilah-istilah komputer dalam Bahasa Malaysia ditetapkan dan perisian tempatan mengambil alih perisian komputer dari barat.

Kesimpulannya ia bergantung kepada guru-guru dan pelajar-pelajar sendiri dalam menghadapi suasana pembelajaran komputer dengan lebih berkesan dan menarik di samping menguasai Bahasa Inggeris. Sehubungan dengan kajian ini adalah menjadi tanggungjawab guru-guru di Kelantan mencari inisiatif bagaimana untuk menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih mendalam supaya subjek komputer akan dapat diikuti oleh pelajar dengan lancarnya.

## 1.2 LATAR BELAKANG NEGERI KELANTAN

Mengikut setengah sumber, iaitu dari cerita-cerita lisan menyebut bahawa nama Negeri Kelantan berasal dari “gelam hutan” atau (*Melaleuca Leucadendron*) iaitu sejenis pokok dalam gelam (swamp tree) yang tumbuh di sekitar pantai negeri itu pada masa dahulu. Mengikut buku sejarah yang ditulis oleh Alias Muhammad bahawa seorang pengembara Cina berugama Buddha Chao Je Kua, Kelantan adalah jajahan takluk Palembang pada akhir kurun ke-12. (22)

Sebetulnya sejarah awal Negeri Kelantan masih kabur kepada pengkaji-pengkaji sejarah dan penyelidik akademik. Oleh itu usaha-usaha untuk mengumpul sejarah awal ini pernah dilakukan oleh Jurnal Sejarah Kelantan dan ahli sejarah tempatan.

Menurut seorang ahli sejarah bangsa Cina, Chao Je Kua, yang menulis dalam tahun 1225, Kelantan adalah sebuah negeri yang bernaung di bawah kekuasaan Palembang di Sumatra. Peta perjalanan perdagangan Portugis dan Belanda pada kurun keenambelas menunjukkan ada sebuah bandar di tepi pantai, tetapi bukti-bukti menunjukkan bahawa Kelantan adalah sebuah negeri adalah tidak jelas. Apa yang jelasnya hanya pada akhir kurun kelapanbelas, Siam dikatakan telah menguasai Kelantan dan ini berakhir hingga tahun 1909 apabila negeri itu bersama-sama Kedah, Perlis dan Terengganu dipindah ke tangan Great Britain dalam perjanjian Anglo-Siamese.

Bagaimanapun, ada pula sumber-sumber lokal yang mirip, mengatakan bahawa pada awal abad keenam iaitu kira-kira 500 Masehi telah wujud sebuah kerajaan yang diberi nama Kerajaan Sri Vijaya Pertama. Menurut sumber itu, Kelantan banyak mengeluarkan emas dan hasil padi. Kerajaannya dikatakan sangat kuat dan berjaya menakluki Kerajaan Langkasuka pada tahun 670 Masehi.

Manakala menurut catatan Marco Polo pula, dalam perjalanan beliau pulang dari Tiongkok ke India pada tahun 1292 Masehi Marco Polo pernah singgah di Kelantan iaitu di sebuah tempat bernama "Lokok" yang terletak di tepi pantai Kelantan. Daripada catatan-catatan sejarah menunjukkan telah wujud sebuah kerajaan di Negeri Kelantan. (23)

### **1.2.1 GEOGRAFI DAN LOKASI NEGERI**

Negeri Kelantan terletak di bahagian Timur Laut Semenanjung Malaysia, iaitu bersempadan dengan negara Thailand (Utara) dan negeri-negeri Perak (barat), Terengganu (timur), Pahang (selatan) serta Laut Cina Selatan (timur laut). Keluasan Negeri Kelantan ialah 14,929km persegi atau 1,494,288 hektar dengan pantai sepanjang lebih kurang 78km. (24) Manakala sebahagian besar Negeri Kelantan masih diliputi hutan belantara dan banjaran gunung yang terletak di kawasan Kelantan Selatan dan bahagian utara negeri ini adalah tanah rata.

### **1.2.2 PENTADBIRAN**

Pada asasnya pentadbiran Negeri Kelantan dibahagikan kepada 10 jajahan iaitu jajahan Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang, Pasir Putih, Bachok, Kuala Krai, Gua Musang dan Jeli.

Negeri Kelantan juga boleh dibahagikan kepada dua wilayah, iaitu Kelantan Utara dan Kelantan Selatan. Wilayah Kelantan Utara meliputi tujuh jajahan di sebelah utara iaitu Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Bachok, Pasir Puteh, Machang dan Tanah Merah. Sementara kawasan Kelantan Selatan merangkumi tiga jajahan di sebelah selatan iaitu Ulu Kelantan, Kuala Krai dan Jeli.

### **1.3 PENYATAAN MASALAH**

Perlaksanaan program komputer dalam pendidikan adalah suatu perkara yang memerlukan satu penelitian yang terperinci dari semua pihak termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak sekolah, guru-guru Komputer Dalam Pendidikan (KDP), ibu bapa dan pelajar-pelajar sendiri. Mengikut kajian Sulaiman (25) menyatakan perlaksanaan projek Komputer dalam Pendidikan sama ada menerusi literasi komputer ini atau pembelajaran berbantuan komputer perlu dikendalikan dengan licin, menerusi formatif yang berterusan, agar segala kelemahan dan kekurangan perancangan dapat dikenalpasti dan diperbaiki sepanjang tempoh projek rintis dijalankan.

Walaupun pihak Kementerian Pendidikan sendiri bersungguh-sungguh menjayakan projek rintis Program Komputer dalam Pendidikan sekolah-sekolah seluruh negara tetapi masih lagi terdapat segelintir sekolah-sekolah di Kelantan yang baru memperkenalkan program pengajian komputer bahkan sesetengahnya masih belum lagi mengendalikan program komputer dalam pendidikan. Keadaan ini menyebabkan para pelajar tidak terdedah kepada pengenalan komputer apatah lagi untuk menjadikan komputer sebagai alat bantu dalam pelajaran mereka.

Sebaliknya pelajar-pelajar perlu digalakkan dengan penggunaan komputer dalam kehidupan harian mereka. Perbezaan begitu jelas jika ditinjau suasana antara sekolah

yang terletak di kawasan bandar dan luar bandar. Memandangkan tiada sebarang kajian dijalankan mengenai penggunaan komputer di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di Kelantan maka kajian ini akan mendedahkan mengapa tiada penyelarasan antara sekolah-sekolah di bandar, pinggir bandar dan luar bandar di Negeri Kelantan dalam melaksanakan program pengajian komputer kepada pelajar-pelajar sedangkan pelajar-pelajar di bandar, pinggir bandar maupun luar bandar juga masing-masing memerlukan kepada perubahan teknologi dalam pendidikan.

Kajian ini juga telah mengenalpasti bagaimana para pelajar sekolah terutama pelajar di luar bandar mangadaptasi diri kepada ‘budaya komputer.’ Misalnya dalam menghadapi pakej perisian komputer yang mediumnya dalam bahasa Inggeris, adakah untuk mengatasi kelemahan ini mereka hendaklah dilengkapi dengan kelas khas untuk melatih mereka ke arah penggunaan komputer serta penguasaan Bahasa Inggeris.

## **1.4 OBJEKTIF PENYELIDIKAN**

Untuk mencapai matlamat kajian ini maka beberapa objektif telah dibentuk seperti berikut:-

1. Membuat analisa secara sampel tentang jumlah sekolah yang mengadakan program pengajian komputer kepada para pelajar.
2. Mengkaji faktor pendorong dan penghalang kepada kewujudan program pengajian komputer di sekolah-sekolah Menengah di Kelantan.
3. Mengkaji keperluan penggunaan komputer di kalangan pelajar sebagai alat bantu dalam pembelajaran.
4. Mengkaji tahap kesedaran ibu bapa, guru-guru dan para pelajar di peringkat Sekolah Menengah di Kelantan berkenaan dengan kepentingan penggunaan komputer dalam pembelajaran.

## **1.5 persoalan KAJIAN**

Secara lebih tepat, kajian ini cuba menjawab beberapa persoalan utama berkaitan dengan tajuk penyelidikan antaranya:-

- 1) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar menggunakan komputer di sekolah?
  - 1.1. Adakah faktor jarak antara sekolah dan rumah menyebabkan pelajar sukar untuk mengikuti kelas pengajian komputer yang diadakan di luar waktu

persekolahan?

- 1.2. Adakah faktor penguasaan Bahasa Inggeris dan Matematik menyebabkan pelajar di Negeri Kelantan sukar untuk mengikuti pengajian komputer?
- 1.3. Adakah faktor ibu bapa mempengaruhi minat pelajar terhadap komputer?

2) Apakah program pengajian komputer dilaksanakan di sekolah?

- 2.1. Adakah kemudahan komputer dibekalkan di sekolah?

2.2. Adakah terdapat guru mahir/terlatih untuk program pengajian komputer di sekolah?

3) Apakah perisian komputer yang diajarkan kepada pelajar?

4) Apakah faktor-faktor yang mendorong dan menghalang sesetengah sekolah di Kelantan lambat untuk mewujudkan pengajian komputer atau mempunyai kelab komputer sekolah?

5) Sejauhmanakah pengetahuan pelajar terhadap penggunaan komputer?

- 5.1. Apakah pelajar memerlukan komputer dalam pembelajaran mereka?

Jawapan kepada soalan-soalan ini pastinya dapat memberikan gambaran tentang keadaan sebenar penggunaan komputer di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di Negeri Kelantan. Maklumat dari kajian ini juga akan memberi maklum balas kepada pihak berwajib untuk mengemaskinikan strategi usaha mereka untuk menjadikan para pelajar ke arah cerdik komputer.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini dapat melahirkan maklumat terkini berkenaan dengan hasil galakan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap penggunaan komputer di sekolah-sekolah menengah khususnya di Negeri Kelantan. Kajian ini menjadi lebih penting apabila Kementerian Pendidikan sendiri berhasrat untuk menjadikan projek rintis Komputer dalam Pendidikan ini sebagai penentu sama ada perlaksanaannya di seluruh negara dapat dipraktikkan dengan jayanya.

Selain daripada itu, pihak-pihak berwajib di Negeri Kelantan dapat mengenalpasti kepentingan dalam mempersiapkan para pelajar dengan pengetahuan komputer semasa di peringkat persekolahan dan seterusnya dapat merealisasikan dunia celik komputer sejajar dengan saranan Perdana Menteri supaya setiap sekolah menuju kelab komputer sendiri bagi mendedahkan pelajar kepada pengenalan literasi komputer. Dalam kontek kajian ini pihak perancang dan guru mestilah bekerjasama dan peka terhadap keperluan akademik, kesediaan mental, sikap dan kebolehan pelajar, agar segala apa yang dirancang itu relevan dengan keadaan para pelajar sendiri.

Analisis maklumat dari kajian ini mampu menghasilkan satu perubahan idea terhadap metod pemupukan kesedaran untuk menguasai teknologi komputer di kalangan pihak-pihak terbabit. Adalah penting dikenalpasti segala masalah yang

menjadikan faktor penghalang kepada perlaksanaan projek komputer dalam pendidikan dan program literasi di sekolah. Dengan itu dijangkakan bahawa dapatan kajian ini dapat dijadikan input kepada penentuan keputusan perlaksanaan dan penggunaan komputer oleh pelajar-pelajar sekolah Menengah di Kelantan. Ia juga sekaligus boleh memberi maklum balas kepada pihak pentadbir sekolah dan guru-guru yang terlibat dalam progam Komputer Dalam Pendidikan terhadap aspek-aspek berkaitan dengan pengajaran Literasi Komputer yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

Hasil dari kajian ini juga dapat membantu pihak-pihak berwajib menyusun perancangan baru bagi menyempurnakan matlamat yang digariskan oleh pihak Kementerian. Segala dapatan positif boleh dijadikan sebagai pendorong dan penggalak kepada semua pihak dan yang negatif boleh diperbaiki dan dijadikan peringatan kepada semua pihak. Kesimpulannya semua dapatan boleh dijadikan maklumat berguna ke arah mencapai satu tahap yang agak baik dalam menerokai dunia teknologi.

## **1.7 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini adalah terhad kepada Sekolah Menengah biasa (Kerajaan) di Negeri Kelantan yang mempunyai bilangan keseluruhannya sebanyak 97 buah. Walau bagaimanapun dalam kajian ini penulis hanya memilih 10 buah sekolah yang mewakili

pelbagai lokasi di Negeri Kelantan iaitu meliputi bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Daripada 10 buah sekolah tersebut seramai 20 orang pelajar dijadikan responden. Pelajar-pelajar yang terlibat di dalam kajian ini dipilih dari mana-mana tingkatan iaitu selaras dengan konsep dan tajuk kajian ini.

## **1.8 DEFINISI**

Dalam kajian ini beberapa istilah digunakan untuk maksud spesifik.

Antaranya sebagaimana berikut:-

a) Komputer Dalam Pendidikan

Komputer dalam pendidikan juga ditakrifkan sebagai pendidikan berasaskan komputer (CBE, Computer Based Education). Ia meliputi pendidikan tentang komputer atau cara menggunakan komputer seperti kursus-kursus literasi komputer dan program-program sains komputer. Dalam projek ini komputer boleh digunakan untuk membantu pelajar dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

b) Literasi Komputer

Istilah ini merujuk kepada projek pengajian pengenalan komputer yang dianjurkan oleh Pusat Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menggalakkan penggunaan komputer dalam pendidikan. Berhubungan dengan sekolah-sekolah kajian terdapat subjek Literasi Komputer yang diwajibkan kepada para pelajar

berdasarkan sukanan pelajaran yang dikeluarkan oleh Unit Komputer Dalam Pendidikan, Pusat Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

c) Program Pendidikan Komputer Berasaskan Sekolah

Istilah ini merujuk kepada setengah dari sekolah kajian yang mempunyai program pendidikan tersebut. Program tersebut adalah hasil daripada perlaksanaan Projek Komputer Sekolah-Sekolah Kelantan dan juga pengaruh perkembangan teknologi dalam masyarakat, telah menimbulkan minat di kalangan pelajar dan guru untuk menuju Kelab Komputer Sekolah dan menyediakan kelengkapan perkakas atas inisiatif sekolah sendiri dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) atau derma orang-orang perseorangan.

d) Perlaksanaan Program

Istilah ini merujuk kepada keadaan sebenar aplikasi proses perancangan pengajaran dan pembelajaran serta pentadbiran program Literasi komputer dan Kelab Komputer di sekolah-sekolah kajian.

e) Pengetahuan Pengajaran Komputer

Merujuk kepada pengetahuan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kajian mengenai pengajaran komputer adalah boleh dikategorikan kepada kelas Baik, Sederhana dan Lemah menurut skor yang telah ditentukan setelah diuji dengan beberapa soalan yang berkaitan.

f) Kelab Komputer

Kelab komputer sekolah adalah seperti kelab lain juga, ia ditubuhkan oleh pihak sekolah dengan berpandukan garis panduan dari Kementerian Pendidikan. Pelajar-pelajar yang berminat boleh menyertai Kelab Komputer Sekolah.

## 1.9 SUSUNAN LAPORAN

Kajian ini mengandungi lima bab. Bab I ialah bab pengenalan yang merupakan bab pendahuluan. Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian dengan menyentuh tentang pengertian tajuk, rumusan masalah, tujuan penyelidikan, persoalan kajian, kepentingan kajian serta batasan yang digunakan dalam penyelidikan. Ia juga menyentuh latar belakang sejarah Negeri Kelantan dan memberi penumpuan kepada sejarah lahirnya kesedaran di peringkat Kerajaan Pusat Khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menggalakkan para pelajar sekolah menengah mempelajari pengajian komputer.

Bab II membincangkan kajian-kajian yang berkaitan dengan penggunaan komputer yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu sama ada di dalam maupun di luar negara. Perbincangan akan ditumpukan terhadap teknologi komputer dalam pendidikan di sekolah di samping membincangkan pendidikan peringkat menengah di Negeri Kelantan dengan menumpukan kepada penggunaan komputer di kalangan pelajar.

Bab III menerangkan tentang kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini meliputi perbincangan mengenai aspek-aspek pemilihan dan prosedur yang digunakan untuk pengumpulan data. Manakala bab IV menyajikan dan mengemukakan analisis data yang diperolehi dari soal selidik terhadap responden-responden yang terdiri daripada para pelajar. Hasilan kajian akan dipamer secara kiraan manual atau menerusi peratusan statistik secara deduktif dan induktif melalui jadual dan carta.

Bab V yang merupakan bab terakhir yang akan merumuskan kesimpulan menyeluruh daripada perbincangan yang telah dibuat bagi menghasilkan maklumat yang dapat membantu pihak-pihak berkenaan dalam usaha mempertingkatkan penguasaan teknologi maklumat, khususnya komputer di kalangan pelajar.

## **RUJUKAN**

- 1) Sanders, D. H. **Computers Today**, New York : Mc Graw Hill Book Co, 1987. m:s 84-85
- 2) Moursund, D. **Personal Computing For Elementary and Secondary School Students**, In Seidel, R. J. , Anderson, R. E dan Hunter, B. , **Computer Literacy : Issues and Directions for 1985**, San Diego : Academic Press, 1982. m:s 73-84
- 3) Yusof Hashim. Perkembangan Teknologi Maklumat: Implikasinya Terhadap Pendidikan, **Buletin Unesco Malaysia**, Jilid 5, November 1993. m:s 8-9
- 4) Zaidun Omar. **Kesan Penggunaan Komputer dan Beberapa Pembolehubah Terpilih ke atas Sikap Pelajar Terhadap Komputer**, Disertasi M. Ed. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993. m:s 44 - 46
- 5) Abdul Hamid Abdul Rahman. **Perlaksanaan Program Literasi Komputer dan Kesannya ke atas Kepercayaan Menggunakan Komputer di kalangan Pelajar Sekolah Menengah Datuk Bahaman Lanchang**, Disertasi M. Ed. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995. m:s 9
- 6) Callison, W. L. **Using Computers in the Classroom**, Englewood Cliffs, N. J. : Prestice Hall, 1985. m:s 30
- 7) Sulaiman Sarkawi. **Penilaian Terhadap Perlaksanaan Projek Percubaan Komputer dalam Pendidikan di Sekolah Menengah**, Disertasi M. Ed. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994. m:s 28-29

- 8) Zaidun Omar. Op.cit, m:s 50
- 9) Zoraini Wati Abas. **Komputer dalam Pendidikan**, Kuala Lumpur : Fajar Bakti, 1993. m:s 24
- 10) Rao, G. S. dan Rao, A. K. **Pengenalan Literasi Komputer**, Kuala Lumpur : Fajar Bakti, 1989. m:s 3
- 11) Ahmad Mahir bin Razali. Literasi Komputer Melalui Perkembangan Statistik, **Seminar Sains Literasi Komputer**, 1987. m:s 62-71
- 12) Johnson, D.C. Computer Literacy, Assessing Secondary School Pupil's General knowledge and Understanding, in, M.Zweng drk.(pty.), **Proceeding of the Fourth International Congress on Mathematical Education**, Boston : Birkheausuer, 1983, m:s 627-628
- 13) Zoraini Wati Abas. The Progress of Computer Literacy in Malaysian Secondary Schools, In, **Peter Alp (Ed.), Golden Opportunities 1988 Proceedings : Sixth Australian Computers in Education Conference**, Mount Lawley : Educational Computing Association of Western Australia, 1989. m:s 7
- 14) Sulaiman Sarkawi. Op.cit, m:s 32
- 15) Yusof Hashim. Op. cit, m:s 12
- 16) Yusof Hashim. Ibid, m:s 14-15
- 17) Abdul Hamid Abdul Rahman. Op. cit, m:s 22
- 18) Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. **Sukatan Pelajaran Literasi Komputer**, 1991. m:s 1-2

- 19) Malaysia. Kementerian Pendidikan, **Laporan Komputer dalam Pendidikan**, Kuala Lumpur, 1991. m:s 3-4
- 20) Salmah Yunus. **Teacher Attitudes Towards Learning With Computers**, Disertasi M. Ed., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994. m:s 34
- 21) Abdul Hamid Abdul Rahman. Op. cit, m:s 29
- 22) Alias Muhammad, **Kelantan : Politik dan Dilemma Pembangunan**, Kuala Lumpur : Utusan Melayu (M), 1975. m:s 1
- 23) Alias Muhammad. Ibid, m:s 3
- 24) Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan. **Kelantan Terus Bergerak Maju**, Kota Bharu : Dian Darul Naim Sdn . Berhad, 1985. m:s 3
- 25) Sulaiman Sarkawi. Op. cit, m:s 40